

SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA
13 JUN 2025

RHB ISLAMIC MENYALURKAN RM1 JUTA ZAKAT KEPADA MAIPs, MELANCARKAN INISIATIF AGROAKUAKULTUR DI PERLIS

Perlis – RHB Islamic Bank Berhad (“RHB Islamic” atau “Bank”) hari ini menyampaikan sumbangan zakat korporat berjumlah RM1 juta kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (“MAIPs”), serta mengumumkan komitmen tambahan sebanyak RM313,000 bagi melaksanakan inisiatif agroakuakultur dengan kerjasama pihak MAIPs dan Akademi Transformasi Asnaf MAIPs (“ATAMs”).

Sumbangan zakat tersebut telah disampaikan secara rasmi oleh Dato’ Adissadikin Ali, Pengarah Urusan RHB Islamic Bank Berhad, kepada DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tuanku Raja Perlis. Inisiatif agroakuakultur berkenaan turut diumumkan sempena *Program Kayuhan MAIPs Peduli 2025 bersama RHB Islamic dan MARA* – sebuah program kayuhan simbolik sejauh 10 kilometer yang dipimpin oleh DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Tuanku Raja Muda Perlis.

Program ini turut disertai oleh MARA, bersama RHB Islamic dan MAIPs, bagi menyalurkan bantuan berjumlah RM33,000 kepada keluarga asnaf dan B40 terpilih di sepanjang laluan kayuhan.

“Komitmen kami hari ini mencerminkan peralihan strategik ke arah pemeraksanaan ekonomi yang lebih tersusun dan berdaya tahan untuk jangka masa yang panjang. Kami memberi tumpuan kepada penyelesaian berskala yang mampu mengangkat komuniti, selaras dengan janji jenama kami – *Together We Progress*, serta menyokong agenda nasional ke arah kemakmuran bersama,” kata Dato’ Adissadikin Ali, Pengarah Urusan RHB Islamic Bank Berhad.

Inisiatif agroakuakultur – projek penternakan ikan keli yang dikelola oleh ATAMs – direka bentuk untuk membekalkan usahawan asnaf B40 dengan peralatan asas, latihan teknikal, dan sokongan keusahawanan bagi menjana pendapatan yang mampan. Dengan pembiakan Azola dan penghasilan makanan ikan, projek

ini akan dilaksanakan di dua lokasi iaitu di Perlis – Jalan Kaki Bukit Paya, Kangar dan Taman Desa Asnaf Chuping.

“Inisiatif ini mencerminkan potensi sebenar zakat – sebagai alat strategik untuk pembangunan sosioekonomi. Kerjasama kami dengan rakan-rakan strategik adalah bertujuan untuk memperkasa komuniti asnaf melalui program yang bukan sahaja berimpak tinggi, malah boleh diaplikasi semula di lokasi atau komuniti lain. Dengan memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti dan penjanaaan pendapatan, kami sedang membina asas bagi perubahan sistemik yang merangkumi bukan sahaja negeri Perlis, tetapi juga berpotensi diperluaskan ke negeri-negeri lain,” kata Encik Mohd Nazim Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs.

Inisiatif-inisiatif ini menyokong matlamat kerajaan dalam membasmi kemiskinan dan membangunkan ekonomi berasaskan komuniti, seperti yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (SPV2030). “Inisiatif ini selari dengan strategi PROGRESS27 RHB, yang mengutamakan pertumbuhan inklusif serta jangkauan sosial yang signifikan dan memberi impak nyata,” tambah Dato’ Adissadikin Ali.
